

18 OCT 1999

Mahkamah-Anwar

ANWAR DAN SUKMA DIPERINTAH BELA DIRI

KUALA LUMPUR, 18 Okt (Bernama) -- Mahkamah Tinggi di sini hari ini memerintahkan bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan adik angkatnya Sukma Darmawan Sasmitaat Madja membela diri terhadap tuduhan berasingan meliwat Azizan Abu Bakar, bekas pemandu isteri Anwar.

Hakim Datuk Arifin Jaka berkata pendakwaan telah membuktikan kes itu melebihi keraguan munasabah.

"Selepas penilaian maksimum ke atas kesemua keterangan boleh terima yang dikemukakan oleh pendakwaan, saya berpuas hati bahawa pendakwaan sudah membuktikan kes melebihi keraguan munasabah terhadap tertuduh pertama (Anwar) dan kedua (Sukma)," katanya.

Beliau mengarahkan Anwar membela diri di atas tuduhan meliwat manakala Sukma atas tuduhan liwat dan tuduhan bersubahat.

Hakim Ariffin juga menolak permohonan peguam Anwar, Karpal Singh supaya mahkamah memberikan sebab bagi keputusan itu.

Keputusan itu diberikan pada pukul 9.10 pagi.

"Saya tidak diwajibkan memberi sebab-sebab bagi memanggil mereka membela diri di peringkat ini. Hati naluri saya berkata bahawa kes ini bukan kes yang sukar. Ia hanya kes jenayah biasa membabitkan liwat di bawah Kanun Keseksaan," katanya.

Anwar, 52, dan Sukma, 38, dituduh bersama-sama meliwat Azizan, 39, di apartmen Sukma di Tivoli Villa, Bangsar, di sini pada satu malam, kira-kira pukul 7.45 malam antara Januari dan Mac, 1993.

Sukma, seorang ahli perniagaan, menghadapi satu lagi pertuduhan iaitu bersubahat dengan Anwar meliwat Azizan di tempat dan pada masa yang sama.

Arifin berkata orang awam beranggapan bahawa kes ini merupakan kes yang amat penting kerana ia membabitkan bekas timbalan perdana menteri negara ini.

"Tetapi saya tidak fikir demikian," katanya.

Menurutnya ia adalah kes yang serupa dengan kes jenayah lain dan keputusan mahkamah bergantung kepada keterangan yang dikemukakan kepada mahkamah.

Arifin berkata: "Pembelaan berpendapat bahawa kes itu rumit disebabkan keterangan oleh Azizan.

"Tentang persoalan sama ada Azizan merupakan saksi yang boleh dipercayai dan bercakap benar, terpulanglah kepada mahkamah untuk membuat keputusan."

Menurutnya tidak ada apa-apa yang luar biasa atau rumit membabitkan keterangan Azizan.

Karpal Singh telah meminta Arifin memberikan sebab-sebab beliau (Ariffin) menggunakan budi bicaranya sebagai hakim perbicaraan, dengan mendakwa bahawa kes itu adalah "rumit dan amat penting".

Karpal Singh berkata Arifin mesti bertanya hati nuraninya sebelum membuat keputusan.

Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah berkata beliau hairan dengan permohonan Karpal Singh itu kerana terpulanglah kepada mahkamah sama ada mahu memberikan sebab-sebabnya atau tidak, dan ini jelas dinyatakan dalam Kanun Acara Jenayah.

"Tidak ada peruntukan berkanun yang memberikan apa yang disebutkan sebagai hak kepada tertuduh untuk menuntut sebab-sebab mereka dipanggil membela diri," katanya.

Beliau kemudiannya menggesa mahkamah menolak permohonan itu.

Arifin menetapkan Khamis ini untuk mendengar pembelaan diri Anwar dan Sukma yang memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah.

Sebelum itu, Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Rozilah Salleh menerangkan pilihan untuk membela diri iaitu sama ada memberi keterangan secara bersumpah, memberi kenyataan di kandang tertuduh atau berdiam diri.

Terdahulu, pembelaan memohon supaya kes itu ditangguhkan selama dua minggu bagi membolehkan mereka membuat persediaan untuk menemubual saksi dalam usaha untuk menyediakan "pembelaan yang bermakna berdasarkan alibi dan konspirasi" kerana tuduhan yang dihadapi adalah serius.

Peguam Anwar, Christopher Fernando berkata, pembelaan tidak menjangka Anwar dan Sukma akan diperintah untuk membela diri, oleh itu mereka terpegun dan terperanjat dengan keputusan Arifin hari ini.

Malah, menurutnya lagi, seorang daripada peguam Anwar, S.N.Nair telah mencukur kepalanya sebagai tanda keraian kerana menjangka keputusan mahkamah akan memihak kepada mereka.

Pada peringkat ini, Arifin berkata pembelaan sepatutnya bersedia untuk menghadapi risiko bahawa Anwar dan Sukma akan diperintah membela diri dan Nair tidak sepatutnya berbuat demikian sebelum mahkamah memutuskan perkara itu.

Sementara itu, Karpal Singh yang menyokong permohonan Fernando berkata, hakim boleh menggunakan budi bicaranya mengikut Seksyen 259 Kanun Prosedur Jenayah untuk membenarkan penangguhan, sekurang-kurangnya seminggu.

Karpal Singh juga memberitahu mahkamah bahawa pihak pembelaan akan memanggil Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai saksi mereka selain 20 saksi yang ditawarkan oleh pendakwa.

"PM adalah saksi penting kerana beliau adalah orang kedua yang menerima pengaduan Azizan, selain Ummi Hafilda," kata Karpal Singh.

Peguam Sukma, Gobind Singh Deo yang juga memohon supaya kes itu ditangguhkan berkata, mereka perlu menemubual Anwar berhubung pergerakannya secara terperinci memandangkan mereka mengemukakan pembelaan alibi.

Katanya, mereka juga ingin menemubual Dr Mahathir.

Mohtar yang membantah permohonan bagi menangguhkan kes itu berkata sebelum perkara itu dibangkitkan oleh pembelaan, mereka perlu memaklumkan kepada mahkamah cara pembelaan diri yang dipilih oleh Anwar dan Sukma.

Ketika Mohtar berkata: "Itu patut dilakukan sekarang sebelum mahkamah memutuskan mengenai penangguhan. Hanya selepas membuat pilihan ...", Karpal Singh mencelah dan meminta penjelasan berhubung "pilihan" yang dimaksudkan.

Mohtar kemudiannya menjelaskan bahawa "pilihan" yang dimaksudkan ialah pilihan yang perlu dibuat oleh kedua-dua tertuduh bagi membela diri mereka.

Satu pertikaman lidah berlaku antara Karpal, Mohtar dan Arifin serta Anwar setelah Peguam Negara membangkitkan isu bahawa masa selama dua bulan telah terbuang begitu sahaja kerana pembelaan sering mencari jalan untuk melengah-lengahkan perbicaraan kes itu selepas pendakwa menutup kesnya.

"Dua bulan berlalu begitu sahaja dan tidak ada apa-apa yang dilakukan dan sekarang mereka meminta tempoh dua minggu..." kata-kata Mohtar dipersetujui oleh Arifin dan ini menyebabkan Anwar bangun dan berkata;

"Bagaimana Yang Arif tahu tidak ada apa-apa yang telah dilakukan? Jangan membuat pengadilan terlebih dahulu ke atas saya, Yang Arif."

Tindakan Anwar ditegur oleh hakim yang memintanya memaklumkan kepada peguam jika beliau ingin menyatakan sesuatu. Bagaimanapun, Karpal Singh berkata Arifin tidak sepatutnya memihak kepada Mohtar mengenai isu itu.

"Yang Arif tidak seharusnya berkata begitu. Elakkan diri Yang Arif daripada membuat pengadilan terlebih dahulu walaupun saya percaya Yang Arif telah berbuat demikian. Yang Arif tidak boleh menyalahkan Anwar atas tindakannya itu," kata Karpal Singh.

Keadaan kembali tenang dan Mohtar meneruskan hujahnya bahawa tindakan pembelaan meminta penangguhan kes itu selama dua minggu tidak mempunyai

sebarang alasan yang kukuh kerana sejak awal lagi mereka sudah tahu bahawa mereka akan mengemukakan pembelaan alibi dan konspirasi.

Katanya lagi, pembelaan juga tidak menggunakan masa sejam yang diberikan oleh mahkamah untuk berbincang dengan pelanggan mereka mengenai tindakan seterusnya.

Pada peringkat ini, Karpal Singh berkata, beliau tidak sangka Mohtar menjadi "ejen rahsia" yang mengintip tindakan pembelaan semasa mahkamah berhenti rehat dan Mohtar membalas bahawa ketika itu, beliau ada di mahkamah dan nampak apa yang telah berlaku.

Bagaimanapun, Arifin berkata beliau tidak tahu apa yang berlaku dalam mahkamah selepas mahkamah menanggungkan sidang.

Pada satu peringkat, Arifin menegur Anwar kerana bercakap dalam kandang tertuduh dengan agak kuat sehingga mengganggu hakim yang sedang merekodkan hujah daripada kedua-dua pihak.

Pendakwaan yang menutup kesnya pada 20 Ogos lepas setelah mengemukakan sembilan orang saksi termasuk bekas Ketua Polis Negara Tun Haniff Omar, menawarkan 21 saksi kepada pembelaan termasuk Karpal Singh tetapi nama peguam itu kemudiannya dikeluarkan daripada senarai nama saksi.

Antara saksi yang ditawarkan ialah Hakim Mahkamah Sesyen Puan Lim Yee Lan, Ketua Unit Pendakwaan bagi Wilayah Persekutuan Stanley Augustine, bekas Setiausaha sulit Anwar, Azmin Mohd Ali dan adiknya Ummi Hafilda.

Yang turut hadir pada perbicaraan hari ini yang masuk hari ke-61 ialah isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail dan anak sulung mereka Nurul Izzah serta anggota keluarga Anwar yang lain termasuk bapanya Datuk Ibrahim Abdul Rahman.

Perbicaraan kes liwat itu merupakan perbicaraan kedua bagi Anwar selepas perbicaraan terhadap empat tuduhan rasuah yang mendapati dia bersalah pada 14 April lepas.

Beliau kini menjalani hukuman penjara enam tahun bagi kesalahan itu dan menghadapi empat lagi tuduhan meliwat dan satu tuduhan rasuah.

Sukma sebelum ini telah dihukum penjara enam bulan oleh Mahkamah Sesyen di sini pada 19 Sept 1998 setelah mengaku bersalah membenarkan Anwar meliwatnya. Beliau juga menghadapi satu lagi tuduhan membuat kenyataan bersumpah palsu.

-- BERNAMA  
SBB NHD LAT